

NO. SOALAN: 104

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG

SOALAN : 104

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perangkaan perkhidmatan awam di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mengikut spesifikasi jantina dan kaum serta kumpulan perkhidmatan yang terkini

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah penjawat awam di bawah lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sehingga kini adalah seramai 453,999 orang. Pecahan penjawat awam tersebut mengikut jantina adalah 42.2 peratus (191,590) lelaki dan 57.8 peratus (262,409) wanita.

Maklumat terperinci mengenai lantikan penjawat awam mengikut kumpulan perkhidmatan dan jantina adalah seperti di Jadual 1. Sementara itu, lantikan penjawat awam mengikut kumpulan perkhidmatan dan kaum adalah seperti di Jadual 2.

Sekian. Terima kasih.

Jadual 1: Pecahan Lantikan Penjawat Awam Oleh SPA Mengikut Kumpulan Perkhidmatan dan Jantina (sehingga Jun 2014)

Kumpulan Perkhidmatan	Lelaki (%)	Perempuan (%)	Jumlah
Pengurusan Tertinggi	1,156 (63.9%)	652 (36.1%)	1,808
Pengurusan dan Profesional	36,449 (42.6%)	49,111 (57.4%)	85,560
Pelaksana	153,985 (42.0%)	212,646 (58.0%)	366,631
JUMLAH	191,590 (42.2%)	262,409 (57.8%)	453,999

Sumber : EIS HRMIS, Pangkalan Data HRMIS, Jun 2014

Jadual 2: Pecahan Lantikan Penjawat Awam Oleh SPA Mengikut Kumpulan Perkhidmatan dan Kaum (sehingga Jun 2014)

Kumpulan Perkhidmatan	Melayu (%)	Bumiputera Sabah*	Bumiputera Sarawak*	Bumiputera Lain-lain**	Cina (%)	India (%)	Lain-lain*** (%)	JUMLAH
Pengurusan Tertinggi	1,345 (74.4%)	9 (0.5%)	10 (0.6%)	1 (0.1%)	239 (13.2%)	182 (10.1%)	22 (1.2%)	1,808
Pengurusan dan Profesional	60,662 (70.9%)	1,711 (2.0%)	1,540 (1.8%)	86 (0.1%)	12,577 (14.7%)	8,128 (9.5%)	856 (1.0%)	85,560
Pelaksana	299,171 (81.6%)	21,631 (5.9%)	18,332 (5.0%)	1,100 (0.3%)	6,966 (1.9%)	11,732 (3.2%)	7,699 (2.1%)	366,631
JUMLAH	361,178 (79.6%)	23,351 (5.1%)	19,882 (4.4%)	1,187 (0.3%)	19,782 (4.4%)	20,042 (4.4%)	8,577 (1.9%)	453,999

Sumber : EIS HRMIS, Pangkalan Data HRMIS, Jun 2014

Nota : * Tidak termasuk kaum Melayu

** Termasuk Orang Asli Semenanjung dan Siam

*** Lain-lain kaum termasuk Lain-lain Bangsa di Sabah dan Sarawak, Portugis, Bangladesh, Sri Lanka, Indonesia, Arab, Lain-lain Asia, Eropah, Serani dan lain-lain

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK KOH NAI KWONG
DARIPADA [ALOR GAJAH]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah statistik enrolmen para graduan ke maktab perguruan, dari tahun 2008 sehingga kini dan berapakah graduan direkrut, berapa graduan yang ditolak serta berapa graduan yang berhenti dan menarik diri dari maktab perguruan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Institut Pendidikan Guru (IPG) Kementerian Pendidikan Malaysia melatih guru berdasarkan unjuran keperluan mengikut tahun. Enrolmen pelajar di IPG merangkumi semua program yang ditawarkan secara Sepenuh Masa, Separuh Masa, Kursus Dalam Cuti dan Latihan Berasaskan Sekolah dari tahun 2010 hingga tahun 2014 adalah seperti berikut:

TAHUN	2010	2011	2012	2013	2014
ENROLMEN	37,620	42,417	49,424	41,921	35,492

SOALAN (106)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. DATUK KOH NAI KWONG
[ALOR GAJAH]**

SOALAN :-

Y.B. DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk melanjutkan tempoh sewaan rumah transit yang telah ditetapkan selama 2 tahun. Hal ini disebabkan tempoh sewaan adalah tidak praktikal kerana tempoh itu belum mampu menstabilkan ekonomi isi rumah.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini tempoh sewaan Rumah Transit adalah selama 2 tahun sahaja. Tempoh tersebut adalah dianggap tempoh yang memadai untuk penyewa sebelum mencari rumah yang bersesuaian. Di samping itu, bilangan rumah transit adalah terhad dan tempoh 2 tahun tersebut juga akan dapat memberi peluang kepada pemohon lain yang berkelayakan tanpa menunggu lebih lama

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK KOH NAI KWONG
DARIPADA [ALOR GAJAH]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah pihak Kementerian untuk menggalakkan minat sukan di peringkat sekolah.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Menerusi Dasar 1Murid 1Sukan, semua murid sekolah digalakkan untuk bersukan sekurang-kurangnya satu (1) jenis sukan. Bagi murid yang berpotensi dan telah dikenal pasti berbakat dalam bidang sukan, mereka digalakkan untuk meningkatkan kemahiran dan mengambil bahagian dalam pertandingan di peringkat daerah. Seterusnya, atlet murid yang berpotensi ini akan mewakili negeri dalam pelbagai kejohanan di peringkat kebangsaan.

Selain daripada itu, terdapat pelbagai program pembangunan sukan yang dilaksanakan di peringkat negeri dan kebangsaan untuk memastikan mereka mendapat pendedahan dan latihan secara berterusan. Bakat yang telah dikenal pasti ini terus digilap dan digarap di Sekolah Sukan Malaysia.